

172

NO. SOALAN: 375

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR S SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]
TARIKH : -
SOALAN : 375

Tuan Oscar Ling Chai Yew [SibU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapakah lif di Hospital SibU masih belum ditukar baru. Apakah masalah yang dihadapi oleh pihak Kementerian mengenai hal ini. Banyak aduan sudah diterima mengenai lif tersebut dan ia telah memberikan imej yang negatif kepada Hospital SibU.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan untuk penggantian 4 unit lif di bawah Rancangan Malaysia ke-sebelas (RMK-11) telah diluluskan dan pada masa ini, proses penggantian 4 unit lif sedang dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak dengan kos pelaksanaan sebanyak RM1.926 juta yang dijangka siap pada November 2018.